

**KEADAAN** hakisan yang semakin teruk di surau Hidayatul Mustaqim, Bandar Baru Selayang memerlukan tindakan segera.

## Kaki lima, longkang sudah runtuh, jejas keselamatan jemaah

# Surau diancam hakisan

Oleh **ROSALAH OTHMAN**  
kota@utusan.com.my

**SELYANG** 22 Ogos - Hakisan yang membawa kepada keretakan dan runtuh pada kaki lima dan longkang surau Hidayatul Mustaqim, Bandar Baru Selayang semakin membimbangkan.

Masalah yang sudah dikesan sejak hampir setahun lalu itu bagaikan sudah tidak dapat dibendung lagi apabila runtuh baru berlaku awal minggu ini dan hampir merosakkan bangunan surau terlibat.

Pengerusi surau berkenaan, Azizan Mohd. Ali, 54, berkata, masalah itu telah pun dimaklumkan kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi membolehkan tindakan sewajarnya dilakukan, namun pihak terbabit dilihat tidak mengangap masalah itu sebagai serius.



**SUBAHAN KAMAL**

“Daripada tiga aduan yang dibuat, hanya sekali MPS datang membuat lawatan iaitu ketika aduan kali pertama dilakukan pada penghujung tahun lalu.

“Namun, tiada sebarang tindakan dilakukan walaupun dua lagi aduan dibuat oleh pihak kami sehinggalah tembok longkang itu runtuh lagi awal minggu ini,” katanya ketika ditemui semasa sesi lawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Templer, Datuk Subahan Kamal ke lokasi terlibat baru-baru ini.

Turut hadir pada sesi lawatan yang bertujuan membincangkan jalan terbaik bagi menyelesaikan masalah berkenaan ialah Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPS, Othman Idris, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak, Mohd. Fuad Buang serta wakil Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (JPNS).



**SUBAHAN Kamal (tiga dari kanan) meninjau keadaan kaki lima surau Hidayatul Mustaqim yang runtuh di Bandar Baru Selayang, baru-baru ini.**

Kata Azizan, memandangkan surau itu sentiasa dikunjungi jemaah dan solat Jumaat turut diadakan di situ, penyelesaian segera kepada masalah itu perlu dicari bagi mengelak sebarang ma-

salah yang lebih besar.

Sehubungan itu, beliau mewakili para jemaah surau itu merayu pihak berkenaan supaya mengambil tindakan segera bagi memastikan keselamatan semua pihak.

Sementara itu, Subahan berkata, walaupun perkara itu di bawah tanggungjawab MPS, namun pihaknya dan agensi kerajaan yang lain tetap memainkan peranan demi keselamatan para jemaah.

“Permohonan sudah saya ajukan kepada JPNS dan difahamkan, peruntukan akan diberikan sebanyak RM100,000 bagi kerja-kerja baik pulih ini manakala JPS berjanji menyumbangkan RM20,000 di bawah bantuan kecemasan.

“Namun, jumlah itu masih tidak mencukupi bagi menyempurnakan kerja-kerja baik pulih yang dianggarkan mencecah RM300,000,” ujarnya.

Sementara itu, Othman berkata, pihak MPS hanya dapat melakukan kerja-kerja pemulihan sementara dengan membersihkan kawasan terlibat.

Katanya, selain kos, faktor masa adalah antara sebab utama pihaknya tidak dapat menyegerakan kerja-kerja baik pulih dalam waktu terdekat.